



DR. MAHATHIR MOHAMAD berbincang bersama Lim Guan Eng (kiri) ketika sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Kewangan Negara 2019 di Kementerian Kewangan, Putrajaya semalam. - BERNAMA

Kerajaan belum putus mekanisme tol

Oleh YULPISMAN ASLI
dan SOFIAN BAHAROM

pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 27 MEI

KERAJAAN belum memutuskan sebarang mekanisme untuk mengurangkan kadar tol, kata Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, memang ada cadangan daripada pihak swasta untuk menurunkan kadar tol supaya mereka dapat ambil alih, tetapi kadar itu tidak sampai 25 peratus.

"Tetapi ini belum diputuskan oleh kerajaan," katanya kepada pemberita selepas Mesyuarat Majlis Kewangan Negara Tahun 2019 di bangunan Kementerian

Kewangan di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalannya, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail dan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng.

Perdana Menteri diminta mengulas kenyataan bekas Pengerusi Majlis Penasihat Kerajaan, Tun Daim Zainuddin dalam satu wawancara dengan stesen televisyen berbayar bahawa kerajaan berupaya menurunkan kadar tol hingga 25 peratus dan menurunkan harga barang dengan menangani orang tengah.

Menurut Perdana Menteri, itu pendapatan Daim, tetapi kerajaan belum mengkaji bagaimana hendak menurunkan tol kepada 25 peratus kerana tidak tahu berapa yang boleh dikutip.

Dalam pada itu, Perdana Men-

teri berkata, kerajaan juga belum memutuskan permintaan Persatuan Kontraktor Bumiputera Malaysia supaya diberi kuota khas sekurang-kurangnya 20 peratus kepada kontraktor bumiputera terlibat dalam Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

"Kita ada tentukan supaya kontraktor tempatan dapat tempat tetapi sama ada mereka bumiputera ataupun bukan bumiputera belum ditentukan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri berkata Majlis Kewangan Negara bersetuju Pemberian Cukai Pelancongan menjadi satu pemberian baharu kepada Kerajaan Negeri mulai tahun ini berdasarkan agihan 50 peratus hasil kutipan cukai pelancongan di negeri-negeri.